

WAKAF ZURIAT: AMALAN MENURUT PERUNTUKKAN UNDANG-UNDANG MASA KINI

Prof Madya To' Puan DR NOR ASIAH MOHAMAD
Timbalan Dekan Pascasiswazah, UIAM

JABATAN UNDANG-UNDANG SIVIL
UIAM



ISI KANDUNGAN PEMBENTANGAN

- Wakaf Dulu dan Kini
- Sumber Perundangan
- Hukum Syarak
- Peruntukkan Undang-Undang
- Sejarah Wakaf Zuriat
- Prosedur
- Wakaf Zuriat/Ahli Menurut Kaedah Wakaf Johor dan Labuan
- Cadangan dan Kesimpulan

Objektif Pembentangan

Mengetahui sumber-sumber perundangan Wakaf Zuriat di Malaysia;

Menganalisa kekuatan dan kekurangan perundangan yang ada;
Meneliti permasalahan perundangan wakaf zuriat

Mencadangkan penambahbaikan samada dalam bentuk pindaan undang-undang atau penambahbaikan Polisi dan perubahan sikap serta minda

Perkembangan Wakaf Dulu dan Kini

- Wakaf Tradisional dan Wakaf Kontemporari
- Siapa boleh berwakaf dan menikmati hasil Wakaf? Islam dan bukan Islam
- Untuk siapa Wakaf? Islam, bukan Islam, Binatang?
- Hebatkan Wakaf! - Wakaf Ahmad Dawjee, Wakaf Seetee Aisah, Wakaf Saydina Uthman, Wakaf di Singapura, Wakaf di Turki, Wakaf di Morocco, Wakaf Aceh di Penang dan Mekah.
- Macam-macam jenis Wakaf: Tanah, Tunai, Ilmu, Masa, Perkhidmatan, Harta Intelek

Wakaf Raja-Raja, Pembesar-Pembesar dan Keluarga mereka

Perkembangan Perundangan

Sistem
Pegangan
Tanah Dulu

Sudah ada sistem yang terpakai contohnya Sistem Tanah Adat, mana ada masjid maka disitu ada wakaf..mana ada kubur, ada wakaf...Kerajaan Kedah tua, Kerajaan Melaka

Pentadbiran
Agama Islam
Dulu

Mudah dan tidak banyak campuran;
Qadhi, Ketua Kampung

PENJAJAH

SISTEM
berubah


Pendaftaran tanah diwajibkan

Cukai baru diperkenalkan

Undang2 Amanah Inggeris diperkenalkan (RAP)

Kesan

Kesannya – Kes wakaf ke mahkamah sivil, didengar oleh hakim sivil (inggeris), menggunakan konsep undang-undang Inggeris, mengenyepikan fatwa, menghapuskan wakaf ahli atau wakaf keluarga, menghadkan tempoh wakaf, menyamakan wakaf dengan 'amanah' inggeris, menidakkan amalan kebajikan kekal untuk keluarga sahaja dsbg.



Hukum Syarak

- Al Quran – ayat tentang Sadaqah dan sadaqah jariah
- Tiada perkataan khusus ‘wakaf’; wakaf ahli
- Hadith-hadith – menerangkan sifat, syarat dan rukun wakaf
- Contoh - Hadith Saydina Umar – melahirkan banyak prinsip2 wakaf:
- Wakaf mesti kekal;
- tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik
- tidak boleh diwarisi
- Wakaf untuk ahli keluarga dan fakir miskin
- mewakaf harta terbaik;
- boleh ambil sedikit hasil wakaf untuk gaji
- , boleh mengendalikan sendiri harta wakaf,
- wanita boleh diangkat pentadbir sbg

Wakaf dalam Perlembagaan Persekutuan

Autoriti mengenai wakaf harus juga dirujuk kepada Perlembagaan Persekutuan - bidang kuasa mengenai 'wakaf' adalah di dalam bidangkuasa Negeri (Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan).



Sehubungan itu, perkara dan bidangkuasa Wakaf Zuriat adalah di tangan Majlis Agama Islam Negeri dan Sultan dan dinyatakan secara jelas dalam Undang-Undang Wakaf dan Enakmen Pentadbiran Islam setiap negeri.

Kuasa Raja dan Majlis sebagai Penasihat
Isu –kebenaran dan kesalahan



Akta dan Enakmen Wakaf

Enakmen Wakaf

- Selangor;
- Perak
- Terengganu
- Melaka
- Negeri Sembilan
- Johor - Kaedah-Kaedah Wakaf 1983

Enakmen Pentadbiran Islam

- Semua negeri dan masih terdapat peruntukan untuk wakaf
- Harus dibaca bersama
- Isu: Bagaimana praktik wakaf bagi negeri-negeri yang tiada Enakmen Wakaf?

Takrifan Wakaf Zuriat (Ahli)

- Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983
- Seksyen 2 – Tafsiran
- Wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan wakif atau kepada keturunan mawkuf alaih
- Lain-lain negeri – disandarkan tafsir kepada wakaf khas
- Enakmen Wakaf Perak 2015
- Wakaf yang didedikasikan oleh wakif kepada ahli keluarga atau orang atau orang-orang tertentu untuk tujuan kebajikan
- Enakmen Wakaf Terengganu – wakaf kepada ahli waris S. 35

Sejarah Wakaf Zuriat

- Terkenal di kalangan pembesar, orang-orang kaya dan raja-raja (Imperial Wakaf)
- Sultan Idris Religious and Charitable Trust Enactment No 3 of 1917 dan Sultan Idris Estate Enactment No. 2 1917 yang dibuat secara khusus untuk wakaf zuriat
- Wakaf pembesar Kelantan seperti Wakaf Tengku Kaya Palawan (1921)
- Wakaf Zuriat Raja Terengganu – 26 lot
- Wakaf Chenferong – 25,000 ekar tanah
- Seimbias, kita dapati bahawa evolusi wakaf zuriat berkembang bukan sahaja melalui perundangan berasaskan Syarak tetapi juga melalui undang-undang Amanah atau undang-Undang-Undang Sivil pengaruh Inggeris.
- Walaupun terdapat kepincangan dalam pelaksanaan undang-undang Inggeris seperti wujudnya peruntukkan mengikat manfaah kepada ahli keluarga kepada tempoh 21 tahun atau 2 generasi, tetapi mewujudkan akta khusus untuk wakaf zuriat terutamanya zuriat di raja merupakan tindakan terbaik yang dibuat oleh Sultan Perak.
- Pemakaian prinsip undang-undang Inggeris juga dilihat berlaku di dalam beberapa kes wakaf di Pulau Pinang seperti wakaf Syeikh Abdul Qader.

Prosedur Wakaf Ahli

- 4 Rukun dan 3 Syarat Utama
- Perbezaan hanya kepada Benefisiari dan Sighah/Hujjah Wakaf (waqfiyyah)
- Perbezaan kepada jenis Wakaf – Mushtarak
- Perbezaan dari segi Mawquf – kekal atau tidak kekal (imm or moveable) Prosedur berbeza

Bagaimana nak berwakaf

Rujuk kepada Majlis atau Perbadanan

Borang Hasrat wakaf

Proses mengikut jenis Mawquf (tanah, dll)

Sighah Penting untuk Pernyataan Niat

Sebut dengan Jelas siapa Benefisiari, Bahagian2, (tempoh), Mutawalli (bagi sesetengah negeri spt Johor);meletakkan syarat

Bersaksi sekurangngnya 2 orang (menurut syarak)

Mesti mendapat Kebenaran Sultan dengan nasihat Majlis

- Bolehkah buat wakaf ahli atas platform lain (yayasan (hibah); endowmen (amanah), syarikat (ekuiti/saham)

- Kesan dari segi perundangan

Waqaf	Amanah
Wakaf bukan amanah dalam amalan sivil dan tidak tertakluk kepada Akta Amanah 1949	Amanah adalah sebagaimana tertakluk dalam Akta Amanah 1949
Berunsur kebajikan dan keagamaan	Tidak semestinya berunsur agama tetatpi sebarang niat yang dibenarkan oleh undang-undang
Pewakaf boleh menjadi penerima wakaf (Mazhab Hanafi).	Pemberi amanah boleh menjadi penerima
Tujuan utama adalah untuk mendapat keberkatan dan keredhaan Allah swt	Apa-apa tujuan dibenarkan
Aset wakaf (Mawquf) adalah milik Allah	Aset dimiliki dan didaftar dibawah nama pemegang amanah
Mutawallli hanyalah pengawalselia	Pemegang amanah memiliki kuasa yang lebih luas bukan hanya sebagai pengawal selia tetapi juga pemilik
Wakaf bersifat kekal dan tidak boleh diubah kecuali diistibdalkan dengan syarat tertentu	Tidak kekal dan boleh dibatalkan seperti dipersetujui dalam kontrak atau dokumen wakaf
Tidak boleh dibatalkan	Boleh dibatalkan
Mawquf tidak boleh dijual beli atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun	Harta amanah tidak boleh dijual atau dipindahmilik
Manfaah digunakan untuk semua makhluk	Manfaah digunakan untuk maksud yang disebut dalam dokumen perjanjian amanah

JADUAL 3 :Komponen Wakaf

Waqif	Seorang yang mendedikasikan hartanya samada yang berbentuk fizikal (Nampak) tidak Nampak untuk tujuan kebajikan. Waqif boleh terdiri dari orang persorangan, syarikat, organisasi samada kerajaan, swasta atau pihak bukan kerajaan, orang Islam atau bukan Islam. Waqif hendaklah yang cukup umur, tidak gila, memiliki sepenuhnya asset yang hendak diwaqafkan, serta bebas membuat keputusan atau pilihan.
Mawquf	Mawquf mestilah yang menepati syarak, harta yang nampak fizikalnya seperti tanah atau bangunan atau kereta atau yang tidak nyata seperti masa, ilmu, perkhidmatan dsbg.
Mawquf Alaih	Benefisiari atau mereka yang dinyatakan sebagai penerima manfaah samada secara khusus untuk wakaf khas dan secara umum untuk wakaf am. Disebut secara jelas siapa benefisiari dan syarat2 sekiranya ada
Sighah	Lafaz yang diucapkan dalam menyatakan niat wakaf samada dibuat secara lisan dihadapan saksi atau dibuat secara bertulis; dinyatakan secara jelas benefisiari, dan sebaiknya bahagian2, mushtarak dsbg
Mutawalli/Nazir	Pemegang amanah yang diberi tanggungjawab untuk menjaga dan mengimarah serta mengawalselia dan mentadbir harta wakaf.

Wakaf Zuriat dalam Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983

- Tafsiran – wakaf ahli
- Borang-borang A (borang permohonan), B Hujjah wakaf (Seksyen 7) peruntukan perlantikan Nazir Khas, Borang C – pengesahan perlantikan Nazir Khas
- Permohonan dibuat kepada Nazir-Nazir Wakaf Daerah di mana lokasi mawquf
- Apabila permohonan diluluskan, isi borang B untuk hujjah (sighah) wakaf – Nazir berpuas hati kemudian rujuk kepada Pengelola Wakaf Negeri
- S 7(4) – sah wakaf oleh orang bukan Islam
- S. 16 (1)-(14) – wakaf Ahli
- Mawquf -isu 1/3 harta wakif
- Isu wakaf sebelum dan sesudah (wasiat)
- Benefisiari - Harus wakaf semua harta kepada sesiapa yang dikehendaki
- Kesan dan keadaan-keadaan dibenarkan wakaf kepada waris
- Boleh wakaf kepada keturunannya
- Harus bagi wakif mengambil faedah dari ruah yang telah diwakafkan sehingga ada arahan mahkamah
- Jika adalah wakaf itu kepada zuriat yang tersusun peringkat keturunan dan tidak didapati seorangpun pada lapisan yang dibawahnya sehingga di dapati kembali lapisan yang pertama pada ketika itu, kembalilah bahagiannya kepadanya. (tidak menjadi wakaf am?)

Wakaf Ahli di Bawah Yayasan Antarabangsa Wakaf Labuan

- Jenis Wakaf di bawah LIWF
- -wakaf am (khairiy)
- Wakaf mushtarak
- Wakaf keluarga
- Wakaf Diri sendiri (waqf ala al Nafs)

	Akta
1.	Labuan Foundation Act 2010
2.	Labuan Islamic Financial Services and Securities Act 2010
3.	Anti Money Laundering Act and Anti Terrorism Financing Act 2001

- Kelebihan Wakaf Labuan
- - perniagaan / investmen yang bebas cukai
- Manfaah diuruskan secara wakaf, professional, dijamin undang-undang dan tidak terikat dengan Mutawalli (Majlis)
- Yayasan sebagai Mutawalli
- Jawatankuasa Syariah
- Undang-Undang yang fleksi
- Badan Penyelesai Pertelingkahan

Kesimpulan

- Isu ketiadaan peruntukkan yang jelas yang membolehkan wakaf zuriat dibuat, ketiadaan prosedur, keperluan mendapat kebenaran Sultan dan Majlis, dan kurang keterbukaan serta publisiti Wakaf zuriat menjadikan wakaf zuriat ini hampir pupus
- Kurang kes baru tetapi wujud dalam konteks harta amanah atau yayasan atau endowmen
- Perlu anjakan paradigm dan perubahan minda dan pendekatan.
- Publisiti dan perlu garis panduan jelas
- Wallahu A'lam